



**KERAJAAN MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
BILANGAN 6 TAHUN 2013**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri

Semua Pengarah Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Dan Cawangan

**TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN 2013**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan tarikh akhir penyerahan dokumen kewangan tahun 2013 oleh Kementerian/ Jabatan kepada Pejabat Perakaunan bagi melicinkan urusan penutupan dan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun kewangan 2013.

## **2. TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN**

Tarikh akhir penyerahan dokumen kepada Pejabat Perakaunan bagi tahun kewangan 2013 telah ditetapkan seperti berikut:

| BULAN                      | JENIS DOKUMEN KEWANGAN  | TARIKH AKHIR     |
|----------------------------|-------------------------|------------------|
| Disember<br>2013           | Baucar Bayaran Manual   | 23 Disember 2013 |
|                            | Dokumen Kewangan eSPKB  | 26 Disember 2013 |
| Januari 2014<br>(AKB 2013) | Baucar Bayaran Manual   | 08 Januari 2014  |
|                            | Baucar Bayaran eSPKB    | 08 Januari 2014  |
|                            | Penyata Pemungut eSPKB  | 08 Januari 2014  |
|                            | Baucar Jurnal eSPKB     | 08 Januari 2014  |
|                            | Baucar Bayaran (kiri)   | 09 Januari 2014  |
|                            | Waran Peruntukan Manual | 09 Januari 2014  |
|                            | Waran Peruntukan eSPKB  | 09 Januari 2014  |

## **3. PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN SELEPAS TARIKH YANG DITETAPKAN**

3.1 Pegawai Pengawal adalah diingatkan bahawa perkhidmatan/ bekalan yang diterima dalam tahun 2013 tetapi tidak sempat dikemukakan bayarannya sebelum tarikh yang telah ditetapkan maka bayaran berkenaan perlu dicaj kepada Vot tahun 2014. Bagi bayaran sedemikian, kelulusan khas di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum bayaran diluluskan; dan

3.2 Semua baucar bayaran yang diluluskan oleh Kementerian/ Jabatan tetapi ditolak/ dikurir oleh Pejabat Perakaunan, baucar-baucar berkenaan hendaklah diproses semula dan diserahkan selewat-lewatnya pada 09 Januari 2014 bagi membolehkannya dibayar dalam tempoh Akaun Kena Bayar (AKB). Jika lewat, baucar-baucar ini hendaklah dibayar dalam tahun kewangan 2014 di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a).


#### **4. PERUBAHAN TARIKH**

Perlu diingatkan bahawa **tarikh-tarikh penyerahan dokumen ini adalah tertakluk kepada pindaan**. Oleh itu semua Kementerian/jabatan dinasihatit supaya segera menyelesaikan semua urusniaga dan tidak menunggu sehingga tarikh-tarikh akhir.

#### **5. PENUTUP**

Semua Kementerian/ Jabatan diminta untuk merancang dengan teliti pengurusan kewangan bagi memastikan penyerahan dokumen kewangan dan semua urusan prosesan waran peruntukan, bayaran, terimaan dan perakaunan bagi tahun kewangan 2013 dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

  
**DATO' HAWAZAIN BINTI SHAARI**  
Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

09 Disember 2013

s.k:

Ketua Audit Negara